

i-FEST

menghimpun aktiviti ilmu

SEREMBAN 18 Feb. - Sekretariat Fakulti Sains dan Teknologi (SEKREFAST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bakal menganjurkan Festival Sains dan Teknologi Islam (i-FEST) 2014 di Tapak Pusat Kemudahan Pelajar USIM bermula Isnin depan hingga 1 Mac ini.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan pihak sekretariat, penganjuran festival berkenaan bertemakan *Legacy of Golden Age* antara lain bertujuan memaparkan perkembangan dan penemuan berkaitan sains dan teknologi yang seiring dengan Islam.

Dalam masa sama menonjolkan zaman kegemilangan cendekiawan Islam dalam penguasaan ilmu dan teknologi pada masa lalu seperti dalam bidang astronomi, matematik, perubatan dan lain-lain lagi.

Jelas kenyataan tersebut, festival itu berkonsepkan pameran, seminar, keusahawanan dan interaktif.

“Turut diadakan Karnival Sains Teknologi Islam, konsert amal *Stairway to Heaven* bersama beberapa artis terkenal seperti Fitri Haris UNIC, Syam Kamikaze dan Priakustik, selain mengadakan *Young Daie Award* bersama Pencetus Ummah (PU) Rahmat.

“Festival itu akan juga menyaksikan bicara mahasiswa cakna dan usahawan kampus, hari siswi dan minggu keusahawanan.

Pengunjung turut dapat merasai peluang melakukan uji kaji sains sendiri di bawah selain pelajar Fakulti Sains dan Teknologi,” tambah kenyataan itu.

Justeru pihak jawatankuasa penganjur i-FEST menjemput masyarakat sekitar, agensi kerajaan dan swasta menyertainya.

Mereka boleh menghubungi Riza Asma'a Saari di talian 019-9191950 untuk keterangan lanjut.